HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat utama tentang fasiliti **Pembiayaan Berjangka Komodity Murabahah-i (CMTF-i).**

Pelanggan lain yang telah membaca PDS ini mendapati ianya amat membantu; **anda juga patut membacanya.**

Tarikh: _____

① Apakah Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah-i (CMTF-i) Hong Leong?

CMTF-i adalah kemudahan pembiayaan secara Islam tidak berpusing secara sekali guna yang mematuhi prinsip-prisip Syariah yang mempunyai tarikh matang dan jadual pembayaran yang telah ditetapkan. Kemudahan ini digunakan untuk membiayai pembelian aset seperti hartanah dan mesin dan boleh juga digunakan untuk pembiayaan modal kerja. CMTF-i adalah pembiayaan kadar tetap dan ia juga boleh ditawarkan pada kadar keuntungan pelbagai peringkat. Di bawah produk ini, kadar keuntungan yang ditawarkan kepada pelanggan untuk tempoh pembiayaan yang diluluskan adalah kekal sepanjang tempoh pembiayaan. Kontrak Syariah yang digunakan adalah *Tawarruq, yang* merujuk kepada 2 kontrak jualan dan belian. Yang pertama melibatkan penjualan aset (komoditi) oleh Bank kepada Pelanggan dengan harga tertangguh. Kemudian, Pelanggan akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga untuk mendapatkan tunai.

② Ketahui Kewajipan Anda

Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- Margin Pembiayaan (MOF) yang ditawarkan bergantung kepada tujuan pembiayaan. Kebiasaannya, margin pembiayaan bagi hartanah adalah sehingga 80%
- Kadar Keuntungan bergantung kepada tujuan pembiayaan dan akan ditetapkan di dalam Surat Tawaran.
- Tempoh pembiayaan bergantung kepada tujuan pembiayaan. Secara umumnya di antara 5 hingga 15 tahun.

Ilustrasi kemudahan pembiayaan ini:

Jumlah Pembiayaan / Had (Harga Belian Komoditi)	:	RM 1,000,000.00
Tempoh Pembiayaan	:	180 bulan
Kadar Keuntungan (PR) (Kadar Tetap)	:	4.70% p.a.
Jumlah Pembayaran (Berdasarkan PR setiap bulan)	:	RM 7,753.00
Jumlah Keuntungan	:	RM 395,540.00
Harga Jualan Komoditi (prinsipal dan untung)	:	RM 1,395,540.00

Menjadi tanggungjawab anda untuk:

Membaca dan memahami terma-terma yang terkandung di dalam **surat tawaran** dan/atau perjanjian kemudahan, sebelum anda menandatanganinya.

Menjelaskan bayaran ansuran berjadual tepat pada masa. Pastikan keseluruhan pembiayaan diselesaikan pada atau sebelum tarikh matang. Hubungi kami sekiranya anda ingin membuat penyelesaian awal akan pembiayaan ini.

Hubungi kami segera jika anda tidak dapat membayar ansuran anda dan juga jika anda menukar butiran hubungan anda.

Fi dan Caj: Untuk senarai fi dan caj yang lengkap, sila layari laman web kami di https://www.hlbislamic.com.my/en/personal-i/help-support/fees-and-charges/bcb-i-financing.html atau imbas kod QR.

No.	Pembayaran Bermula pada bulan berikutnya	Keuntun-gan yang dibilkan	Pembaya-ran Prinsipal	Baki Belum Diperolehi	Baki Prinsipal O/S	Baki Tertunggak Semasa	Tarikh Bayaran Dikehendaki Seterusnya	Kadar Keuntun gan
0				**395,540.00**	**1,000,000.00**	**1,395,540.00**	**1-Mar-18**	
1	7,753.00	3,991.87	3,761.13	391,548.13	996,238.87	1,387,787.00	01-Apr-18	4.70%
2	7,753.00	3,848.40	3,904.60	387,699.73	992,334.27	1,380,034.00	**01-May-18**	4.70%
3	7,753.00	3,961.18	3,791.82	383,738.55	988,542.45	1,372,281.00	01-Jun-18	4.70%
:	:	:	:	:	:	:	:	
174	7,753.00	215.45	7,537.55	**60.17**	46,457.83	46,518.00	01-Sep-32	4.70%
175	7,753.00	**60.17**	7,692.83	0.00	38,765.00	38,765.00	01-Oct-32	4.70%
176	7,753.00	0.00	7,753.00	0.00	31,012.00	31,012.00	01-Nov-32	4.70%
177	7,753.00	0.00	7,753.00	0.00	23,259.00	23,259.00	01-Dec-32	4.70%
178	7,753.00	0.00	7,753.00	0.00	15,506.00	15,506.00	01-Jan-33	4.70%
179	7,753.00	0.00	7,753.00	0.00	7,753.00	7,753.00	01-Feb-33	4.70%
180	7,753.00*	0.00	7,753.00	**0.00**	**0.00**	**0.00**	01-Mar-33	4.70%

* Amaun pembayaran akhir mungkin diubah untuk menyelesaikan sepenuhnya baki pembiayaan.

Nota: *Harap maklum bahawa kadar dan tempoh pembiayaan di atas hanya indikatif sahaja. Amaun akhir yang diluluskan untuk pembiayaan, tempoh pembiayaan, kadar keuntungan dan kadar keuntungan efektif adalah tertakluk kepada tawaran oleh pihak Bank dan mungkin berbeza daripada yang tertera di atas. Untuk butiran sebenar Kemudahan yang ditawarkan, sila rujuk kepada surat tawaran / perjanjian kemudahan.*

③ Ketahui Risiko Anda

Apakah yang akan berlaku sekiranya anda gagal membayar ansuran bulanan anda?

1. Anda akan membayar jumlah yang lebih tinggi secara keseluruhan disebabkan oleh caj pampasan (Ta'widh), sekiranya anda ingkar dalam membuat bayaran. Caj pampasan:
   a) Bagi kemungkiran pembayaran berjadual semasa tempoh kemudahan = Sehingga 1% setahun ke atas amaun tertunggak.
   b) Bagi kemungkiran menyebabkan kemudahan ditamatkan atau dibawa ke mahkamah = Sehingga 1% setahun ke atas baki semasa (baki prinsipal dan keuntungan terakru).
   c) Bagi kemungkiran pembayaran selepas tamat tempoh kemudahan = Kadar semalaman harian Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam ("IIMM") di Bank Negara Malaysia ("BNM") ke atas baki semasa (baki prinisipal tertunggak dan keuntungan terakru).
   d) Bagi kemungkiran pembayaran selepas keputusan penghakiman mahkamah = Kadar semalaman harian IIMM di BNM ke atas jumlah penghakiman asas.
2. Kami mungkin akan menolak baki kredit dari akaun deposit-i anda di Bank bagi menjelaskan baki pinjaman tertunggak tertakluk kepada pemberian notis bertulis tujuh (7) hari terlebih dahulu kepada anda oleh pihak Bank.
3. Kami mungkin akan merampas hartanah atau mengambil tindakan undang-undang terhadap anda jika anda gagal memberi tindak balas terhadap notis-notis peringatan yang diberikan oleh pihak Bank, dan anda perlu menanggung semua kos dan sebarang kekurangan selepas hartanah anda dijual.
4. Skor kredit anda mungkin akan terjejas, menyebabkan kedudukan kredit anda menjadi lebih sukar atau pinjaman menjadi lebih mahal.

④ Terma-terma Utama Lain

Tempoh terkunci: Tertakluk kepada Surat Tawaran (jika ada). Bermula dari tarikh keluaran pertama.

Perlindungan Takaful: Perlindungan Takaful berikut adalah disyorkan/wajib untuk diambil:

- Pengurangan Gadai Janji Bertempoh (MRTT) atau perlindungan takaful yang seumpamanya untuk melindungi syarikat sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal kepada pelanggan atau orang utama dalam syarikat (jika berkenaan)
- Takaful kebakaran jika harta diberikan cagaran untuk pembiayaan (wajib)

Penyelesaian Awal: Bank akan memberi rebat (ibra') jika pembiayaan dijelaskan dengan lebih awal. Formula rebat adalah seperti berikut:

*Rebat hasil langsaian pembiayaan awal = Baki Keuntungan Yang Belum Diperolehi – *Caj Langsaian Awal (jika ada)*

Nota:
(a) Baki Tidak Diterima = Jumlah Keuntungan – Keuntungan Terakru
(b) Jumlah Keuntungan = Harga Jualan – Jumlah Pembiayaan
(c) Keuntungan Terakru dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif ke atas Jumlah Pembiayaan Yang Diberikan.
** Bagi apa-apa kos sebenar yang ditanggung oleh Bank seperti kadar yang telah didiskaunkan, fi guaman, fi pengeluaran, duti setem dan fi penilaian.*

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan atau memerlukan bantuan berkenaan pembiayaan anda, anda boleh:

Hubungi kami di:
+603 - 7661 7777

Layari kami di:
https://www.hlbislamic.com.my

E-mel kami di:
SME@hlbb.hongleong.com.my

Imbas kod QR untuk maklumat lanjut

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan:

Khidmat Nasihat Pembiayaan (KNP) di MyKNP@CGC dibawah CGC (untuk SME) di
Tel: 03 – 7880 0088
E-mel: myknp@cgc.com.my
Sesawang: https://www.bnm.gov.my/MyKNP

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), (untuk SME & individu):
Tel: 03 – 2616 7766
E-mel: enquiry@akpk.org.my
Sesawang: https://www.akpk.org.my/smehelpdesk

Untuk aduan kepada pihak Bank and juga aduan sekiranya masalah anda tidak diselesaikan oleh pihak Bank secara memuaskan:

Customer Advocacy
Tel: 03-7626 8821
Sesawang: customerservice@hlbb.hongleong.com.my

Bank Negara Malaysia Link (BNMLINK)
Tel: 1-300-88-5465
Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK